



01 SEP, 2020

Penduduk lega pasar tani khas dibuka mulai hari ini

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

Penduduk lega pasar tani khas dibuka mulai hari ini

SUNGAI PETANI: Penduduk di tiga zon di Ambangan Heights, Amanjaya di sini yang mendakwa kehabisan barangan basah kini boleh menarik nafas lega apabila Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan membuka pasar tani khas di kawasan itu mulai hari ini.

Penduduk di Zon Kenanga, Mawar dan Melor menjalani perintah kuarantin di rumah di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Secara Pentadbiran (Temco) berikutan Covid-19 Kluster Tawar bermula Jumaat lalu.

Pegawai FAMA Daerah Kuala Muda, Mohd. Fauzi Hashim berkata, pasar tani khas yang dikenali Pasar Segar Terkawal itu akan melibatkan kira-kira 20 peniaga yang menjual barang basah seperti ayam, ikan segar, sayur-sayuran dan buah-buahan.

"Pasar Segar Terkawal itu akan dibuka di Zon Mawar pada setiap Rabu dan Sabtu manakala di Zon Kenanga pula pada Selasa dan Jumaat dari pukul 8 pagi hingga 11.30 pagi.

"Sementara itu, di Zon Mawar pula pasar tersebut akan dibuka di Surau An Nur manakala lokasi bagi Zon Kenanga masih dalam penelitian pihak kita dan wakil penduduk," katanya semalam.

Menurut Mohd. Fauzi, pihaknya juga menerima permohonan daripada penduduk untuk menjual barang-barang keperluan harian lain seperti lampin pakai buang.

"Kemudahan pasar tani ini juga dapat mengelakkan mereka keluar dari kawasan perumahan masing-masing untuk mendapatkan barangan keperluan," jelasnya.

Tambah beliau, pembukaan pasar tani sementara itu akan dilakukan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan termasuk penjarakan fizikal, pemakaian pelitup muka dan pemeriksaan suhu badan.

"Bagi memastikan keadaan terkawal, hanya ketua keluarga dibenarkan untuk membeli barangan keperluan di pasar tani ini," katanya.



01 SEP, 2020

Penduduk lega pasar tani khas dibuka mulai hari ini

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

SUNGAI PETANI: Penduduk di tiga zon di Ambangan Heights, Amanjaya di sini yang mendakwa kehabisan barangan basah kini boleh menarik nafas lega apabila Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan membuka pasar tani khas di kawasan itu mulai hari ini. Penduduk di Zon Kenanga, Mawar dan Melor menjalani perintah kuarantin di rumah di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Secara Pentadbiran (Temco) berikutan Covid-19 Kluster Tawar bermula Jumaat lalu. Pegawai FAMA Daerah Kuala Muda, Mohd.